

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ**  
**KAWASAN : TANAH MERAH**  
**TARIKH : 9.6.2014 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 161**

**Y.B. DATUK IKMAL HISHAM ABDUL AZIZ** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak MITI bagi membantu wakil-wakil penjual kereta nasional PROTON khususnya wakil penjual Bumiputera yang diambang gulung tikar kerana pengurusan PROTON di bawah DRB-Hicom kelihatan telah gagal membangun dan membantu wakil penjual PROTON pada masa kini.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Peningkatan penyertaan Bumiputera dalam industri automotif negara merupakan salah satu objektif utama Dasar Automotif Nasional (NAP) sejak ia diperkenalkan pada tahun 2006. Ini termasuklah pembangunan pengeluar komponen, alat ganti automotif dan wakil penjual kenderaan Bumiputera. Objektif ini diteruskan di bawah NAP 2009 dan NAP 2014.

Kerajaan menerusi NAP 2014 turut memperkenalkan dasar dan langkah-langkah bagi memperkasa ekonomi Bumiputera seiring dengan usaha merealisasikan objektif untuk menghasilkan usahawan Bumiputera yang lebih berdaya saing sekaligus menembusi pasaran antarabangsa. Dasar ini menitikberatkan aspek-aspek utama seperti pembangunan modal insan, pembangunan rantai pembekal komponen dan alat ganti serta pembangunan teknologi.

Bagi meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif khususnya bagi sektor pembuatan, pengedaran dan lepas jualan, NAP 2014 memperkenalkan langkah-langkah berikut:

- (i) penyediaan peruntukan sebanyak RM75 juta bagi tempoh 2014 hingga 2019 bagi meningkatkan daya saing syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif bagi tujuan pembangunan teknologi, modal insan dan rantai bekalan termasuk sektor pengedaran kenderaan; dan
- (ii) pemantauan secara berterusan dijalankan ke atas syarikat pengeluar kenderaan serta pihak yang terlibat dalam sektor pembuatan, pengedaran dan lepas jualan untuk memastikan penglibatan yang berkesan oleh syarikat-syarikat Bumiputera dalam industri automotif tempatan.

Di antara program-program yang dirancangkan termasuklah usaha-usaha bagi meningkatkan daya saing PROTON dan wakil-wakil penjual melalui program-program khusus yang dikendalikan oleh *Malaysia Automotive Institute (MAI)* seperti Program Pembangunan Modal Insan, Program Pembangunan Rantaian Bekalan, Program Pembangunan Teknologi dan Program Pembangunan Lepas Jualan.

Sebagai contoh, di antara strategi jangka pendek yang sedang giat dibincangkan bersama dengan PROTON adalah inisiatif-inisiatif strategik yang akan dijalankan bagi meningkatkan prestasi jualan PROTON. Inisiatif-inisiatif ini akan turut melibatkan aktiviti bersama-sama dengan wakil-wakil penjual PROTON di seluruh Malaysia.

Kerajaan sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pembangunan wakil-wakil penjual Bumiputra. Walau bagaimanapun, wakil-wakil penjual ini juga perlu sentiasa memberi keutamaan kepada aspek penjualan yang inovatif dan menepati citarasa pasaran, di samping menjalankan kerjasama pintar dan melakarkan strategi pemasaran yang kreatif, untuk meningkatkan jualan serta menguasai syer pasaran.